

# PENGIKLANAN PRODUK RACUN MAKHLUK PEROSAK

## A. Jenis-jenis Iklan Racun Makhluk Perosak

Terdapat pelbagai jenis iklan racun perosak. Di antaranya adalah :

### Cetak

- a) Kain Rentang
- b) Gecantung
- c) Pelekat
- d) Kemeja-T
- e) Majalah
- f) Risalah
- g) Suratkhobar

### Elektronik

- a) Radio
- b) Televisyen
- c) Laman Web

## B. Syarat permohonan iklan

Orang yang layak memohon bagi mengiklankan produk racun mereka ialah :

- a) Pendaftar produk yang berkenaan atau mana-mana orang atas namanya sesuatu produk itu didaftarkan.
- b) Pengiklan atau agen yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendaftar produk atau mana-mana orang atas namanya sesuatu produk itu didaftarkan

## C. Kaedah permohonan iklan

- a) Permohonan hendaklah dibuat dalam 2 salinan dalam Borang A seperti didalam Lampiran 1 yang boleh didapati daripada pejabat Bahagian Kawalan Racun Perosak Kuala Lumpur atau laman web DOA.
- b) Permohonan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 3 minggu sebelum sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Iklan Racun Makhluk Perosak (JIRP) berlangsung.
- c) Pemohon hendaklah mengemukakan dua set permohonan bersama-sama dengan :
  - i. Dua puluh tujuh (27) salinan cadangan iklan saiz A4 dan berwarna.
  - ii. Dua puluh tujuh (27) salinan label produk yang telah disahkan kelulusannya.
  - iii. Satu (1) salinan Perakuan Pendaftaran bagi setiap produk yang hendak diiklankan.
  - iv. Satu (1) salinan lesen Pengendali Kawalan Makhluk Perosak (PCO) bagi iklan yang menawarkan perkhidmatan pengendalian kawalan makhluk perosak.
- d) Semua permohonan iklan produk racun makhluk perosak yang tempoh tamat Perakuan Pendaftaran kurang daripada satu (1) bulan tidak akan diterima.
- e) Permohonan yang berasingan hendaklah dibuat bagi setiap iklan yang berlainan. Sesuatu iklan adalah berlainan sekiranya :
  - i. Produk yang hendak diklankan adalah berlainan.
  - ii. Media cetak dan media elektronik: Bilangan iklan dikira mengikut bilangan produk dalam sesuatu iklan atau kerja lukisan.
  - iii. Media audio, filem bergerak atau video: Bilangan iklan dikira mengikut bilangan produk dalam skrip atau papan cerita.
  - iv. Bahasa atau dialek berlainan.
  - v. Media iklan berlainan.
- f) Sesuatu permohonan iklan itu dianggap batal sekiranya tiada jawapan diterima daripada pemohon selepas tiga (3) bulan dari tarikh surat Lembaga dihantar kepada pemohon.

## D. Bayaran

- a) Bayaran permohonan iklan ialah RM 100.00 (satu ratus ringgit) dan hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah Pertanian. Bayaran hendaklah dalam bentuk draf bank / kiriman wang dan dibuat pada masa permohonan itu dikemukakan. Bayaran permohonan yang dibayar tidak akan dikembalikan.
- b) Tiada bayaran pemprosesan akan dikenakan bagi suatu permohonan yang dikemukakan semula bagi kelulusan dengan pindaan pada iklan sebagaimana yang disyorkan oleh Lembaga.

